KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22.07.22	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kenal pasti punca habitat gajah mengecil

Kluang: Terdapat lebih 100 gajah dikenal pasti hidup di negeri ini dan didapati habitatnya semakin mengecil hingga berlakunya konflik antara haiwan itu dengan manusia.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor, Aminudin Jamin berkata, pihaknya sedang berusaha untuk mengatasi konflik terbabit.

Menurutnya, pihaknya sedang melakukan kajian termasuk menggunakan khidmat dron bagi mengenal pasti punca habitat gajah yang semakin mengecil di negeri itu.

Katanya, pihaknya memahami keresahan masyarakat apabila ada laporan gajah tersesat dari kumpulan utamanya dan memasuki kawasan perumahan penduduk hingga merosakkan tanaman.

"Berhubung dengan video tular kehadiran gajah di daerah ini, ia sememangnya adalah laluan gajah menuju ke hutan simpan di Kahang.

"Namun ada laporan sebelum ini terdapat gajah sesat memasuki taman perumahan di sini, untuk kes itu gajah berkenaan sebenarnya terpisah dari kawanannya.

"Kami sentiasa membuat kawalan dan pemerhatian mengenai kehadiran gajah ini dan sedang bersama kerajaan negeri bagi mencari penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi isu ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas video yang tular di media sosial memaparkan lebih 50 gajah muncul di Jalan Kahang Barat di sini.

HM220722_10